

LEMBAH KLANG

'Keikhlasan boleh diragui'

SHAH ALAM

Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan (Selcat) mengakui Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor 2011 wajar ditambah baik agar rakyat tidak meragui keikhlasan.

Pengerusinya, Hannah Yeoh berkata, pihak luar sangsi keikhlasan kerajaan negeri kerana permohonan maklum balas diberikan ambil masa yang panjang dan melebihi 30 hari.

"Orang akan persoalkan terutama isu besar seperti MoU Penstrukturkan Industri Air, Lebuhraya Kinrara-Damansara (Kidex) dan Lebuhraya Damansara-Shah Alam (Dash).

"Pemohon tidak dapat maklumat seperti diminta, kerana gagal dapatkan kebenaran pihak ketiga. Malah ada yang berbulan-bulan barulah pemohon mendapat maklum balas, itupun bukanlah jawapan seperti yang diinginkan.



HANNAH YEOH

"Isu MoU air, kerajaan negeri tulis surat kepada kerajaan persekutuan namun hanya menerima maklum balas secara lisan tanpa jawapan rasmi. Jadi maklumat berkenaan tidak boleh didedahkan.

"Bagi kes Kidex pula kerajaan negeri lambat beri maklum balas dan maklumat yang dikemukakan hanya berdasarkan cabutan minit Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri sahaja, Dalam isu Dash pula pemohon gagal peroleh sebarang maklumat," katanya ketika si-

dang media selepas sidang Selcat, di sini, semalam.

Hannah berkata, hasil pemantauan Selcat merumuskan kompetensi kerajaan negeri berkaitan praktis Enakmen Kebebasan Maklumat Selangor 2011 masih belum memenuhi matlamat ketelusan yang disasarkan.

"Perlu kaji semua kelemahan untuk jadi lebih berkesan dan pada masa sama maklumat daripada pihak ketiga tidak disalah guna.

"Bagaimanapun Selcat harap orang ramai yakin terhadap proses ini. Kerajaan negeri masih kekal dengan semangat awal enakmen ini digubal untuk telus kepada rakyat kerana isu yang dibahaskan melibatkan duit rakyat," katanya.

Ketika ditanya mengenai kegagalan mendapatkan maklumat pihak ketiga seperti menteri besar, menurut Hannah tiada sebarang 'follow up' untuk mengingatkan beliau mengenai isu dibangkitkan.